

SEBAHAGIAN penerima anugerah bergambar bersama Muhamad Muda (belakang, empat dari kiri) selepas Majlis Anugerah Kecemerlangan Siswa di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.



Jasa, bakti siswa dalam aspek pembangunan universiti diberi pengiktirafan **USIM** hargai penuntut cemerlang

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 5 Jun - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Siswa (Aksis) bagi memberi penghargaan kepada siswa dan siswi yang telah mencurahkan jasa dan bakti dalam aspek pembangunan universiti berkenaan di sini baru-baru ini.

Sebanyak 15 anugerah disampaikan kepada graduan serta penuntut USIM terpilih untuk menerima sijil

dan piala termasuk sumbangan peribadi wang tunai daripada Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Datuk Seri Zukri Samad.

Antara anugerah yang disampaikan termasuk Anugerah Cemerlang Kepimpinan (kategori individu pengurusan dan pencapaian), Anugerah Cemerlang Sukan (kategori individu dan berpasukan), Anugerah Jasa Bakti (sukarelawan dan pembangunan insan).

Turut disampaikan ialah Anugerah Cemerlang Seni Individu dan

Berkumpulan, Anugerah Cemerlang Usahawan, Anugerah Perdana Siswa dan Siswi, Anugerah Perdana Emas, Anugerah Perdana Hal Ehwal Pelajar dan Anugerah Sumbangsih.

Menurut penerima Anugerah Perdana Siswa dan Anugerah Jasa Bakti kategori pembangunan insan, Amirul Affendy Md, Saad, beliau amat bersyukur kerana terpilih menerima anugerah dan tidak menjangka merangkul dua anugerah pada majlis tersebut.

“Saya amat berterima kasih kepada semua pihak di atas peng-

hargaan itu dan saya akan menjadikan anugerah ini sebagai pendorong untuk lebih tekun dan gigih dalam melakukan apa jua bidang yang diceburi,” kata graduan Fakulti Ekonomi dan Muamalat itu.

Bagi Nadzirah Mohd. Ali yang menerima Anugerah Perdana Siswa dan Anugerah Jasa Bakti (kategori sukarelawan) pula, anugerah tersebut akan dijadikan perangsang serta motivasi kepadanya pada masa akan datang.

“Saya telah menyertai Urus Setia Latihan Pembangunan Mahasiswa

(ULPM) selama empat tahun. Selain dapat mengisi masa lapang, ia juga banyak mengajar saya tentang kemahiran insaniah yang tidak dapat diperoleh di dewan kuliah,” jelasnya.

Sementara itu, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda ketika berucap berkata, Aksis merupakan platform terbaik untuk pihak universiti meraikan serta menghargai mahasiswa dan mahasiswi yang komited serta memamerkan kecemerlangan dalam usaha membangunkan USIM.